



MAJLIS DAERAH
KOTA TINGGI

Buletin MDKT

EDISI 01 - 03

Januari - Disember 2023



Lawatan Rasmi Timbalan Perdana Menteri Ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Daerah Kota Tinggi



Program Penanaman 180,000 Pokok
Sehari Negeri Johor Peringkat MDKT



Menteri Miti Santuni Mangsa
Bencana Banjir Kota Tinggi



Colour Splash Fun Run MDKT



PROGRAM "TOWN HALL" MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI BERSAMA PENJAJA TAMAN SRI SAUJANA

AHAD, 8 JANUARI 2023

Satu sesi "Town Hall" antara Majlis Daerah Kota Tinggi dengan penjaja di Taman Sri Saujana telah dijalankan. Program ini menghimpunkan seramai enam puluh sembilan orang penjaja di sekitar Taman Sri Saujana. Turut menghadiri program ini ialah Encik Mohd Fahmy Bin Yahya, Yang Dipertua Majlis Daerah Kota Tinggi, Puan Faridah Binti Hj Hussin, Ahli Majlis bagi zon 2, Taman Sri Saujana, Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan Majlis Daerah Kota Tinggi. Program ini diadakan dengan tujuan untuk membincangkan hala tuju penjaja yang berniaga di sekitar Taman Sri Saujana. Pihak MDKT mengucapkan ribuan terima kasih atas kehadiran dan sokongan daripada para peniaga yang terlibat.



MAJLIS PENGUNDIAN

TAPAK PASAR AWAM



2 JAN
2023



Sekitar Majlis Pengundian Tapak Bangku Niaga Peniaga Pasar Awam Bandar Kota Tinggi di Pasar Awam Taman Kota Jaya telah diadakan pada 2 Januari 2023 (Isnin).

Tahniah dan syabas kepada para peniaga yang hadir dan sekaligus menerima surat tawaran bangku niaga di Pasar Awam Taman Kota Jaya.

Selaras dengan kelulusan Mesyuarat Penuh MDKT Bil 7/2022, pengoperasian peniaga Pasar Awam Kota Tinggi akan dipindahkan ke Pasar Awam Taman Kota Jaya.





ANUGERAH ASEAN PUBLIC TOILET STANDARD (2023-2025) BAGI PANTAI AWAM TELUK MAHKOTA, TANJUNG SEDILI, KOTA TINGGI SEMPERNA ASEAN TOURISM FORUM 2023

05 FEB 2023



Alhamdulillah, Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT) telah menerima anugerah bagi kategori Asean Public Toilet Standard yang telah berlangsung di Yogyakarta, Indonesia pada 2 - 5 Februari 2023. Anugerah tersebut telah disampaikan oleh YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia kepada Encik Mohd Fahmy Bin Yahya, Yang Dipertua, Majlis Daerah Kota Tinggi.



Sed ut perspiciatis unde omnis iste natus error sit voluptatem accusantium doloremque laudantium, totam rem aperiam, eaque ipsa quae ab illo inventore veritatis et quasi architecto beatae vitae dicta sunt explicabo. Nemo enim ipsam voluptatem quia voluptas sit aspernatur aut odit aut fugit, sed quia consequuntur.

Lorem ipsum dolor sit amet, consectetur adipiscing elit, sed do eiusmod tempor incididunt ut labore et dolore magna aliqua. Ut enim ad minim veniam, quis nostrud exercitation ullamco laboris nisi ut aliquip ex ea commodo consequat. Duis aute irure dolor in reprehenderit in voluptate velit esse cillum dolore eu fugiat nulla pariatur.



KUNJUNGAN HORMAT PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL PERKESO KE MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

08 FEBRUARI 2023 | RABU

Majlis Daerah Kota Tinggi, MDKT telah menerima kunjungan hormat dari Pertubuhan Keselamatan Sosial PERKESO pada hari ini. Delegasi PERKESO ini telah diketuai oleh Encik Tong Sing Chuang, Pengarah PERKESO Negeri Johor, Encik Jamalluddin Bin Mohammad, Timbalan Pengarah PERKESO Negeri Johor serta tiga orang pegawai lain yang telah disambut mesra oleh Encik Mohd Fahmy Bin Yahya, Yang Dipertua, Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan MDKT.

Pihak PERKESO telah menyampaikan taklimat dan penerangan berkaitan skim perkhidmatan yang disediakan. Sesi soal jawab telah diadakan untuk menambah ilmu pengetahuan dan bertukar pandangan.



Melalui taklimat yang diberikan, pihak MDKT sangat berbesar hati dengan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh PERKESO dan input-input yang diberikan membawa impak yang positif seterusnya memberikan inspirasi kepada MDKT dalam usaha penambahbaikan perancangan pada masa akan datang.



MISI BANTUAN PASCA BANJIR SOUTHERN VOLUNTEERS DI DAERAH KOTA TINGGI 08 MAC 2023 | RABU

Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat. Begitulah yang dapat digambarkan betapa semangatnya sukarelawan SVMDKT, SVMBJB, PDRM, ATM, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan SAFWA untuk membantu membersihkan lumpur di rumah penduduk serta mengutip sampah - sarap pukal di sekitar Taman Kemang, Kg. Kelantan, Taman Hidayat, Laman Tun Sri Lanang dan Kg. Batu 4. Misi Gerakan Pasca Banjir ini berlanjutan sehingga 9.00 malam. Semoga sukarelawan daripada pelbagai agensi ini sentiasa bersemangat waja dan terus diberikan kesihatan yang baik untuk meneruskan misi ini.





RONDAAN PENGUATKUASA 06 APRIL 2023



Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT)



mdkota

Rondaan penguatkuasaan di bazar Aidilfitri MDKT telah dijalankan. Seramai lima (5) orang anggota penguatkuasa telah ditugaskan untuk membuat rondaan berkala dan empat (4) orang anggota ditugaskan untuk kawalan lalu-lintas sepanjang berlangsungnya bazar ramadan. Dalam rondaan pada 06.04.2023, pihak penguatkuasa MDKT telah mengambil tindakan sita terhadap peniaga mercun yang berniaga tanpa permit yang dikeluarkan oleh majlis.


Sitaan dibuat di bawah Undang-undang Kecil Penjaja (1981) MDKT. Secara keseluruhan bazar ramadan di dalam keadaan terkawal.



EDISI 02

OPERASI PENUTUPAN PREMIS MENJUAL VAPE

30 Julai 2023, Ahad



satu pemeriksaan premis menjual vape telah dilakukan dengan kekuatan 3 orang anggota penguatkuasa. Pemeriksaan dilakukan kerana terdapat maklumat bahawa premis terbabit masih menjalankan aktiviti penjualan vape.

Hasil pemeriksaan premis tersebut masih menjalankan perniagaan menjual vape dan tiada lesen dikeluarkan kepada perniaga tersebut. Tindakan kompaun dan sitaan telah dikenakan pada 09 Julai 2023, namun kedai terbabit masih ingkar. Oleh itu, tindakan penutupan premis di bawah Undang - Undang Kecil 49.(2) Undang - Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDKT) 2017 telah diambil terhadap premis tersebut.

SAMBUTAN AMBANG KEMERDEKAAN KE-66, PERINGKAT DAERAH KOTA TINGGI

31 OGOS 2023



Warga Kota Tinggi telah membanjiri Dataran Jam, Kota Tinggi bersempena Sambutan Ambang Merdeka 2023 peringkat daerah Kota Tinggi.

Upacara pembukaan dimulakan dengan Kontinjen Perarakan dan kibaran 66 Bendera Jalur Gemilang diteruskan dengan Perarakan 66 buah konvoi motosikal. Kemudian, para penonton disajikan dengan Tarian Zapin, Joget, Gendang Cina serta Tarian Klasik India.



Turut diserikan dengan persembahan artis-artis popular seperti Bell Ngasri, Man Raja Lawak, Indah Ruhaila, Tam Spider dan Datin Alyah. Diikuti dengan persembahan nyanyian dan deklamasi sajak oleh Raja Farhana yang merupakan anak jati Kota Tinggi.

Sambutan Ambang Merdeka ini juga turut dihadiri oleh YB Raven Kumar a/ Krishnasamy, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya Negeri Johor,

YB Datin Paduka Hajah Hazlina binti Jalil

Pegawai Daerah Kota Tinggi, YBhg Tuan Syed Norul Shahril bin Syed Nasir, Pentadbir Tanah Daerah Kota Tinggi, YBhg Puan Hajah Zihan binti Ismail, YDP Majlis Perbandaran Pengerang, YBhg Encik Mohammad Nazrul bin Abd Rahim, YDP MDKT, YB Tuan Muszaide bin Makmor, ADUN Sedili, YB Puan Hajah Rashidah binti Ismail, ADUN Pasir Raja, YB Tuan Aznan bin Tamin, ADUN Tg. Surat yang memeriahkan lagi serta menjayakan program ini.

COLOUR SPLASH FUN RUN

16 SEPTEMBER 2023



Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT) telah menganjurkan acara Colour Splash Fun Run di Astaka Laman Tun Sri Lanang, Kota Tinggi. Program telah dimeriahkan dengan kehadiran barisan tetamu kehormat iaitu Yang Berhormat Cik Norlizah binti Noh, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi Negeri Johor, YBhg Tuan Mohd Farhan bin Kasmunee, Ketua Penolong Pegawai Daerah merangkap wakil rasmi Pegawai Daerah Kota Tinggi, YBhg Tuan Syed Norul Shahril bin Syed Nasir, Pentadbir Tanah Daerah Kota Tinggi, Encik Mohammad Nazrul bin Abd Rahim, Yang Dipertua Majlis Daerah Kota Tinggi, Tuan Syed Khalil bin Syed Ahmad, Setiausaha MDKT dan Ahli-ahli Majlis MDKT.

YB Cik Norlizah binti Noh, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi Negeri Johor turut merasmikan Car Free Zone bersempena Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) dan melepaskan peserta larian yang melibatkan seramai 350 orang peserta. Jutaan tahniah dan terima kasih diucapkan kepada peserta larian serta barisan petugas yang terdiri daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Balai Bomba Kota Tinggi, RELA. Kerjasama dan penglibatan anda amat kami hargai.

COLOUR SPLASH FUN RUN

16 SEPTEMBER 2023



Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT) telah menganjurkan acara Colour Splash Fun Run di Astaka Laman Tun Sri Lanang, Kota Tinggi. Program telah dimeriahkan dengan kehadiran barisan tetamu kehormat iaitu Yang Berhormat Cik Norlizah binti Noh, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi Negeri Johor, YBhg Tuan Mohd Farhan bin Kasmunee, Ketua Penolong Pegawai Daerah merangkap wakil rasmi Pegawai Daerah Kota Tinggi, YBhg Tuan Syed Norul Shahril bin Syed Nasir, Pentadbir Tanah Daerah Kota Tinggi, Encik Mohammad Nazrul bin Abd Rahim, Yang Dipertua Majlis Daerah Kota Tinggi, Tuan Syed Khalil bin Syed Ahmad, Setiausaha MDKT dan Ahli-ahli Majlis MDKT.

YB Cik Norlizah binti Noh, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi Negeri Johor turut merasmikan Car Free Zone bersempena Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) dan melepaskan peserta larian yang melibatkan seramai 350 orang peserta. Jutaan tahniah dan terima kasih diucapkan kepada peserta larian serta barisan petugas yang terdiri daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Balai Bomba Kota Tinggi, RELA. Kerjasama dan penglibatan anda amat kami hargai.

PROGRAM PENANAMAN 180,000 POKOK SEHARI NEGERI JOHOR PERINGKAT MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

SABTU | 21 OKTOBER 2023



Program ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Johor bertujuan untuk menghijaukan Negeri Johor ini. Turut hadir bersama ialah En Mohd Farhan bin Kasmunee, Ketua Penolong Pegawai Daerah selaku wakil rasmi Pegawai Daerah Kota Tinggi, Tuan Syed Muhammad Khalil bin Syed Ahmad, Setiausaha MDKT, Tuan Haji Mesran bin Haji Tukiman, Forest House Conservation, agensi-agensi Kerajaan yang lain serta seluruh Ahli Jawatankuasa Penduduk di Taman Kota Jaya 2.



LAWATAN KERJA YANG BERHORMAT TIMBALAN MENTERI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN KE DAERAH KOTA TINGGI.

05 November 2023, Ahad.



Lawatan kerja Yang Berhormat Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada hari ini telah disambut oleh Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Hazlina binti Jalil, Pegawai Daerah Kota Tinggi bersama-sama Encik Mohammad Nazrul bin Abd Rahim, Yang Dipertua Majlis Daerah Kota Tinggi. Turut hadir sama ialah Yang Berhormat Tuan Muszaide bin Makmor ADUN Sedili, Tuan Haji Nasaruddin bin Haji Ahmad, Ketua Whip, En Hashim bin Muhammad, Ahli Majlis Zon Sedili, Ahli -Ahli Majlis, MDKT dan Ketua-ketua Jabatan MDKT.

Lawatan kerja ini adalah bertujuan untuk memberi pemakluman kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan pihak KPKT berkaitan status pelaksanaan projek-projek semasa dan projek-projek yang akan dijalankan di bawah pentadbiran Majlis Daerah Kota Tinggi.

Yang Berhormat Timbalan Menteri juga dibawa ke sesi lawatan tapak projek kemudahan awam di Tanjung Sedili, Pantai Teluk Mahkota serta Sedili Besar bagi melihat keadaan semasa pembangunan serta perancangan akan datang di kawasan berkenaan.

PERTANDINGAN XPLORE PARK

TEMPAT KE-2



PENERIMAAN ANUGERAH BANDAR MAMPAN 2023 KEPADA MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

Ahad, 19 November 2023

Majlis Daerah Kota Tinggi telah menerima Anugerah Bandar Mampan 2023 yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jafni bin Mohd Shukor, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor kepada Encik Mohammad Nazrul bin Abd Rahim, Yang Dipertua Majlis Daerah Kota Tinggi bertempat di Sunway City Iskandar Puteri.



Selain itu, MDKT juga telah dinobatkan sebagai Naib Johan bagi Pertandingan XPLORE PARK di mana pasukan dari MDKT telah berjaya menamatkan aktiviti di setiap hentian dengan jayanya. Syabas dan Tahniah diucapkan.

Penerimaan Anugerah tersebut telah disampaikan di dalam Majlis Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Johor Tahun 2023.



LATIHAN KEBAKARAN WARGA KERJA MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI TAHUN 2023


KHAMIS | 26 NOVEMBER 2023

Satu latihan Pengungsian Bangunan (Fire Drill) telah dijalankan oleh Jabatan Kesihatan dan Pelesenan, MDKT dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Daerah Kota Tinggi.

Tujuan utama diadakan latihan ini adalah untuk memberi pendedahan kepada warga kerja di bangunan tersebut tentang prosedur menyelamatkan diri jika berlaku kecemasan yang melibatkan kebakaran.

Latihan tersebut bermula pada pukul 9.00 pagi di mana loceng kebakaran telah dibunyikan secara berturut selama beberapa minit bagi memberi amaran kepada semua kakitangan dan seterusnya berkumpul di tempat berhimpun di Padang Kerajaan, MDKT.

Selain itu, pihak bomba juga telah memberikan taklimat keselamatan dan demonstrasi penggunaan hos dan alat pemadam api. Selesai latihan pengungsian bangunan, pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Daerah Kota Tinggi telah membuat pasca nilai bersama urusetia unit kecemasan kebakaran dan pengungsian bangunan Majlis Daerah Kota Tinggi



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) PERANCANGAN PEMBANGUNAN BANDAR KOTA TINGGI BAGI PELAN INDUK PEMBANGUNAN REJUVENASI, PROJEK REJUVENASI BANDAR KOTA TINGGI.

SABTU, 09 DISEMBER 2023



Majlis Menandatangani Memorandum Pesefahaman (MOU) Pembangunan Bandar Kota Tinggi antara Majlis Daerah Kota Tinggi dan Universiti Teknologi Malaysia, UTM-ISI telah diadakan di Majlis Daerah Kota Tinggi. Sesi menandatangani memorandum telah disempurnakan oleh En Mohammad Nazrul bin Abd Rahim, Yang Dipertua Majlis Daerah Kota Tinggi dan Prof Datuk Ir Ts Dr Ahmad Fauzi bin Ismail, Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia disaksikan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Haji Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia merangkap Ahli Parlimen Kota Tinggi. Turut hadir bersama-sama Tuan Haji Nasarudin bin Haji Ahmad, Ketua Whip, Majlis Daerah Kota Tinggi, barisan Ahli-ahli Majlis, Pegawai dan Ketua-ketua Jabatan MDKT serta delegasi dari pihak UTM-ISI.

Kota Tinggi merupakan antara agensi pertama yang bekerjasama dengan pihak Universiti Teknologi Malaysia, UTM-ISI dalam melaksanakan penyelidikan bagi Pelan Induk Pembangunan Rejuvanasi Bandar Kota Tinggi. Antara fokus utama Pelan Induk Pembangunan Rejuvanasi ini adalah rekabentuk imej konsep, rekabentuk bandar dan landskap, perancangan rekabentuk jaringan perhubungan dan perancangan pengurusan aset bagi pembangunan mampan.

Semoga Pelan Induk Pembangunan Rejuvanasi Kota Tinggi ini dapat membantu Pembangunan Mampan di Kota Tinggi sekaligus dapat meningkatkan pembangunan serta mutu pelancongan di daerah Kota Tinggi.

